

31 OCT 1996

MAHATHIR: PERSYARIKATAN MALAYSIA LENGKAP DENGAN PENYERTAAN CUEPACS

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Persyarikatan Malaysia semakin menjadi kenyataan apabila Cuepacs bersetuju untuk bersama-sama kerajaan dan swasta dalam menjayakannya.

Perdana Menteri berkata pemimpin-pemimpin Cuepacs telah memberi jaminan untuk membantu menjayakan Persyarikatan Malaysia dalam pertemuan mereka dengan beliau Selasa lepas.

"Dengan pembabitan Cuepacs dalam Persyarikatan Malaysia maka kerjasama ini telah lengkap," kata beliau pada majlis perhimpunan dengan lebih 3,000 kakitangan Tenaga Nasional Berhad di Kompleks Sukan Ibu pejabat Tenaga Nasional di sini hari ini.

"Mereka sudah terima bahawa walaupun mereka ada perbezaan pendapat dengan kerajaan, mereka ingin menyertai Persyarikatan Malaysia," kata beliau.

Yang hadir ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan pengerusi eksekutif Tenaga Nasional Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Dr Mahathir berkata beliau telah membangkitkan mengenai pakatan Kerajaan-Swasta-Kesatuan Sekerja dalam menjayakan Persyarikatan Malaysia pada Dialog Antarabangsa Langkawi Julai lepas. -- BERNAMA

ES AKD